



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000
Faks : 03- 8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

SIARAN MEDIA

SEMPENA MAJLIS RAMAH MESRA YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI BERSAMA NELAYAN TERENGGANU

JABATAN PERIKANAN PERKENALKAN **SMILE TED** KEPADA NELAYAN PUKAT TUNDA MUSIM TENGGUJUH (PTMT)

Kuala Terengganu, 24 Julai : Jabatan Perikanan akan memperkenalkan **SMILE TED** kepada nelayan pukat tunda musim tengkujuh (PTMT) untuk meningkatkan pendapatan nelayan. **SMILE TED** ini merupakan alat yang direka khas oleh penyelidik Jabatan Perikanan bagi kegunaan nelayan PTMT.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, **SMILE TED** akan diagihkan kepada kesemua 192 orang nelayan PTMT yang aktif di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur.

“Penggunaan **SMILE TED** dapat menyelamatkan 100% anak penyu tersangkut dari pukat tunda kurang dari 3 minit. Kecekapan peralatan ini telah diperakui oleh kumpulan pakar dari Amerika Syarikat” ujarnya lagi.

Pada Januari lalu, nelayan PTMT Kemaman menjadi komuniti pertama yang menggunakan Peranti Penyisih Penyu (TED- *Turtle Excluder Device*) di rantau Asia Timur. Penggunaan **SMILE TED** ini juga salah satu langkah kerajaan bagi memenuhi syarat-syarat negara luar seperti Amerika Syarikat yang meletakkan syarat penggunaan TED bagi tujuan eksport hasil tangkapan udang ke negara tersebut”, katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra bersama Nelayan Terengganu di Akademi Perikanan Malaysia di sini hari ini.

Turut hadir ialah Nawi Mohammad, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Peladangan dan Komoditi Negeri dan Datuk Ismail Abu Hassan, Ketua Pengarah Perikanan.

Sementara itu, Jabatan Perikanan akan meletakkan syarat penggunaan **SMILE TED** sebagai syarat lesen ke atas nelayan PTMT bermula November ini.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Ismail Abu Hassan berkata, hasil kajian penggunaan TED ini di Kemaman, Terengganu mendapati kaedah ini mampu meningkatkan pendapatan nelayan antara tiga hingga lima peratus. Disamping itu juga, ianya merupakan *exit plan* kepada pengusaha pukat tunda khasnya zon B yang ingin menangkap sumber udang supaya menggunakan TED ini.

“Penggunaan TED adalah bertujuan bagi menyelamatkan spesies penyu dan mamalia marin dari terperangkap dalam pukat. TED juga dapat meningkatkan hasil tangkapan nelayan serta hasil tangkapan tidak bercampur dengan sampah dan kotoran. Di samping itu juga, ianya dapat mengurangkan penangkapan ikan baja sebanyak 12 hingga 15 peratus serta mampu mengurangkan penggunaan bahan api diesel”. ujarnya lagi.

+ tamat +